

Belia patut manfaat bantuan RM100 juta PTPK majukan diri

SAYA merujuk surat 'RM100j bantu belia timba ilmu' yang disiarkan 16 Februari lalu. Belia golongan yang perlu mempunyai kekuatan ilmu dan menguasai kemahiran sebagai benteng menangkis dugaan dalam dunia serba mencabar ini.

Tiada siapa dapat menafikan pentingnya peranan belia dalam pembangunan negara kerana jumlah mereka yang ramai, menjadi modal insan serta aset penting kepada pertumbuhan dan pembangunan negara.

Kegagalan negara melahirkan belia produktif mengganggu penjana modal insan dan pembangunan negara yang sihat. Kerajaan perlu

terus melaksanakan program yang memperkasa dan melengkapkan belia dengan ilmu, kemahiran dan nilai murni supaya mereka dapat menyumbang secara berkesan kepada kesejahteraan negara serta masyarakat.

Justeru, usaha kerajaan menyediakan peruntukan RM100 juta kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Kementerian Sumber Manusia pada tahun ini untuk disalurkan sebagai pinjaman kepada pelatih di pusat latihan bertauliah seluruh negara perlu disambut baik oleh belia.

Peluang meningkatkan kemahiran dan ilmu perlu sentiasa wujud dalam diri belia.

Mereka perlu merebut peluang yang diberikan untuk memajukan diri. Peruntukan itu digunakan untuk menampung kos melahirkan kira-kira 15,000 tenaga mahir terutama golongan muda.

Diharap peruntukan PTPK dapat menambah belia berpengetahuan dan berkemahiran. Ia juga mengajar belia bertanggungjawab, berdisiplin dan dinamik. Paling penting ialah belia dapat menyesuaikan diri dan berdikari bagi pembangun negara.

Pencapaian akademik individu berbeza mengikut kemampuan. Pemilihan kerjaya juga banyak bergantung kepada minat, pencapaian akademik dan keupayaan se-

seorang. Belia yang tidak dapat melanjutkan pelajaran masih boleh memilih bidang kemahiran yang menjanjikan masa depan cemerlang.

Bagi yang memperoleh pinjaman perlu membayar kembali selepas tamat latihan dan mendapat pekerjaan. Kegagalan berbuat demikian menyekat peluang belia yang berminat mengikuti program ini. Belia yang berjaya mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menyumbang kembali kepada masyarakat.

**PROF MADYA
DR SAPORA SIPON,**
*Universiti Sains
Islam Malaysia.*